

Produktiviti buruh Malaysia RM42.20 sejam

PETALING JAYA – Produktiviti buruh Malaysia, yang diukur dari segi nilai ditambah per jam bekerja merosot 0.9 peratus pada suku ketiga 2023 (ST3 2023), menurut Statistik Produktiviti Buruh Malaysia yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Dalam tempoh sama, jumlah jam bekerja meningkat 4.2 peratus bagi merekodkan 9.4 bilion jam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, ekonomi Malaysia meningkat 3.3 peratus pada suku ketiga 2023 selepas tumbuh 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Sementara jumlah bilangan pekerjaan meningkat kepada 16.3 juta orang, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.7 peratus.

“Dengan pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan yang lebih kukuh, produktiviti buruh per jam bekerja pada suku ketiga 2023 memulih sedikit kepada negatif 0.9 peratus pada RM42.20 per jam (ST2 2023: -1.1



MOHD. UZIR

peratus; RM40.60 per jam).

“Manakala produktiviti buruh dalam nilai ditambah bagi setiap pekerja meneruskan trend kenaikan dengan peningkatan 0.6 peratus kepada RM24,465 per pekerja (ST2 2023: 0.02 peratus; RM23,408 per pekerja),” katanya dalam satu kenyataan.

Ujarnya, bagi meningkatkan produktiviti, pelaburan pembangunan modal insan, dengan menggabungkan kurikulum digital yang bertepatan dan pembangunan kemahiran adalah perlu.